

SURAH GURUH



Surah: 13 Juzuk: 13 Bil. Ayat: 43

Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah,
lagi Maha Mengasihani.

1. Alif, Laam, Miim, Raa. Ini ialah ayat-ayat al-Quran. Dan apa yang diturunkan kepadamu (wahai Muhammad) dari Tuhanmu adalah benar; tetapi kebanyakan manusia tidak beriman.
2. Allah jualah yang meninggikan langit tanpa bertiang sebagaimana yang kamu melihatnya, kemudian Dia bersemayam di atas Arasy; dan Dia memudahkan matahari dan bulan tiap-tiap satu dari keduanya beredar untuk suatu masa yang telah ditetapkan. Allah jualah yang mentadbir segala urusan; Dia menerangkan tanda-tanda kekuasaanNya satu-persatu, semoga kamu yakin kepada pertemuan Tuhan kamu (untuk menerima balasan).
3. Dan Dialah yang menjadikan bumi terbentang luas, dan menjadikan padanya gunung-gunang (terdiri kukuh) serta sungai-sungai (yang mengalir); dan dari tiap-tiap jenis buah-buahan, Dia jadikan padanya berpasangan⁽¹⁾. Dia juga

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْمَرْءَ تِلْكَ آيَاتُ الْكِتَابِ وَالَّذِي أُنزِلَ إِلَيْكَ مِنْ رَبِّكَ الْحَقُّ وَلَكِنَّ أَكْثَرِ النَّاسِ لَا يُؤْمِنُونَ ﴿١﴾

اللَّهُ الَّذِي رَفَعَ السَّمَوَاتِ بِغَيْرِ عَمَدٍ تَرَوْنَهَا ثُمَّ أَسْتَوَىٰ عَلَى الْعَرْشِ وَسَخَّرَ الشَّمْسَ وَالْقَمَرَ كُلٌّ يَجْرِي لِأَجَلٍ مُّسَمًّى يُدَبِّرُ الْأَمْرَ يُفَصِّلُ الْآيَاتِ لَعَلَّكُمْ بِلِقَاءِ رَبِّكُمْ تُوقِنُونَ ﴿٢﴾

وَهُوَ الَّذِي مَدَّ الْأَرْضَ وَجَعَلَ فِيهَا رِوْاسٍ وَأَنْهَادًا وَمِنْ كُلِّ الثَّمَرَاتِ جَعَلَ فِيهَا رِوْجَاتٍ أَشْيَبًا يَغْشَى الْجِبَالَ النَّهَارُ فِي ذَلِكَ لآيَاتٍ لِّقَوْمٍ يَتَفَكَّرُونَ ﴿٣﴾

1 Seperti jantan dan betina, kecil dan besar, putih dan hitam.

melindungi malam dengan siang yang silih berganti. Sesungguhnya kesemuanya itu mengandung tanda-tanda kekuasaan Allah bagi kaum yang berfikir.

4. Dan di bumi ada beberapa bahagian tanah yang berdekatan (tetapi berlainan keadaannya); dan padanya ada kebun-kebun anggur, pelbagai jenis tanaman serta pohon-pohon tamar (kurma) yang berumpun dan yang tidak berumpun; semuanya disiram dengan air yang sama; dan Kami lebihkan buah sebahagiannya daripada sebahagiannya yang lain pada bentuk, rasa, dan baunya. Sesungguhnya yang demikian itu mengandung tanda-tanda kekuasaan Allah bagi orang yang berfikir serta memahaminya.
5. Dan jika engkau merasa hairan (wahai Muhammad), maka sungguh menghairankan perkataan mereka yang kafir itu (yang mengatakan): «Apabila kami telah menjadi tanah benarkah kami akan hidup semula dalam bentuk kejadian yang baru?» Mereka itulah orang yang kufur kepada Tuhan mereka, dan merekalah yang dibelenggu dengan belenggu-belenggu pada leher mereka; dan merekalah juga ahli neraka, mereka kekal di dalamnya.

وَفِي الْأَرْضِ قِطْعٌ مُتَجَوِّزَةٌ وَجَنَّتْ مِّنْ
أَعْتَابٍ وَزَرْعٌ وَنَخِيلٌ صِنَوَانٌ وَعَابِرٌ صِنَوَانٍ
يُسْقَى بِمَاءٍ وَاحِدٍ وَنُفِضَلُ بَعْضُهَا عَلَى بَعْضٍ
فِي الْأَكْلِ إِنَّ فِي ذَلِكَ لَآيَاتٍ لِّقَوْمٍ يَعْقِلُونَ ﴿٤﴾

﴿٥﴾ وَإِنْ تَعْجَبَ فَعَجَبٌ قَوْلُهُمْ أَءِذَا كُنَّا
تُرَابًا أَوْ نَافِثًا لِّمَنِ خَلَقْنَا جَدِيدًا أَوْ لِمَنِ
الَّذِينَ كَفَرُوا بِرَبِّهِمْ وَأُولَئِكَ
الَّذِينَ لَأَعْتَلُ فِي آعْتَابِهِمْ وَأُولَئِكَ أَصْحَابُ
النَّارِ هُمْ فِيهَا خَالِدُونَ ﴿٥﴾

6. Dan mereka meminta kepadamu menyegerakan kedatangan perkara buruk (azab yang dijanjikan) sebelum mereka memohon kebaikan⁽¹⁾; padahal sesungguhnya telah berlaku sebelum mereka peristiwa-peristiwa azab yang telah menimpa orang yang kafir seperti mereka. Sesungguhnya Tuhanmu amat melimpah keampunanNya bagi manusia (yang bertaubat) terhadap kezaliman mereka, dan sesungguhnya Tuhanmu juga amatlah keras balasan azabNya.
7. Dan berkatalah orang yang kafir: «Mengapa tidak diturunkan kepadanya (Muhammad) sesuatu mukjizat dari Tuhannya?» Sesungguhnya engkau (wahai Muhammad) hanyalah seorang rasul pemberi peringatan (kepada orang yang ingkar), dan tiap-tiap umat terdapat nabinya yang memimpin ke jalan yang benar.
8. Allah mengetahui apa yang dikandung oleh setiap ibu, dan mengetahui apa yang kurang dari kandungan dalam rahim itu atau apa yang lebih; dan tiap-tiap sesuatu adalah ditetapkan di sisiNya dengan kadar yang tertentu.

وَيَسْتَعْجِلُونَكَ بِالسَّيِّئَةِ قَبْلَ الْحَسَنَةِ
وَقَدْ خَلَّتْ مِنْ قَبْلِهِمُ الْمَثَلُتُ وَإِنَّ رَبَّكَ
لَذُو مَعْفَرٍ قَوْلَ النَّاسِ عَلَى ظُلْمِهِمْ وَإِنَّ رَبَّكَ
لَشَدِيدُ الْعِقَابِ ﴿٦﴾

وَيَقُولُ الَّذِينَ كَفَرُوا لَوْلَا أُنزِلَ عَلَيْهِ
آيَةٌ مِنْ رَبِّهِ إِنَّمَا أَنْتَ مُنذِرٌ وَلِكُلِّ
قَوْمٍ هَادٍ ﴿٧﴾

اللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَحْمِلُ كُلُّ أُنْثَىٰ وَمَا تَغِيصُ
الْأَرْحَامُ وَمَا تَزِدُّهُ مِنْ شَيْءٍ عِنْدَهُ
يُمِقِّدَارٍ ﴿٨﴾

1 Orang musyrik dengan cara mengejek meminta kepada Nabi Muhammad Sallallahu 'alaihi wasallam supaya disegerakan turunnya seksa padahal mereka yang terlebih dahulu perlu meminta rahmat dan keselamatan.

9. Dialah yang mengetahui perkara-perkara yang ghaib dan yang nyata; Dialah jua Yang Maha Besar, lagi Maha Tinggi.
10. Sama sahaja kepadaNya: sesiapa di antara kamu yang merahsiakan kata-katanya dalam hati dan yang menyatakannya; juga yang bersembunyi pada waktu malam dan yang keluar berjalan pada waktu siang.
11. Bagi setiap seorang terdapat malaikat penjaganya yang silih berganti di hadapan dan di belakangnya, yang mengawasi dan menjaganya (daripada sesuatu bahaya) dengan perintah Allah⁽¹⁾. Sesungguhnya Allah tidak mengubah apa yang ada pada sesuatu kaum sehingga mereka mengubah apa yang ada pada diri mereka sendiri. Dan apabila Allah menghendaki untuk menimpakan kepada sesuatu kaum bala bencana (disebabkan kesalahan mereka sendiri), maka tiada sesiapaupun yang dapat menolak atau menahan apa yang ditetapkanNya itu, dan tidak ada sesiapaupun yang dapat menolong dan melindungi mereka selain daripadaNya.
12. Dialah yang memperlihatkan kilat kepada kamu, untuk menakutkan (dari panahan petir), dan memberi

عَلِيمُ الْغَيْبِ وَالشَّهَادَةِ الْكَبِيرُ الْمُتَعَالِ ﴿٩﴾

سَوَاءٌ مِنْكُمْ مَنَ أَسْرَأَ الْقَوْلَ وَمَنْ جَهَرَ
بِهِ وَمَنْ هُوَ مُسْتَخْفٍ بِاللَّيْلِ وَسَارِبٌ
بِالنَّهَارِ ﴿١٠﴾

لَهُ مَعْقِبَاتٌ مِنْ بَيْنِ يَدَيْهِ وَمِنْ خَلْفِهِ
يَحْفَظُونَهُ مِنْ أَمْرِ اللَّهِ إِنَّ اللَّهَ لَا يُغَيِّرُ مَا
بِقَوْلِهِ حَتَّى يُغَيِّرَ مَا يَأْتِنُ سَهْمَهُ وَإِذَا أَرَادَ
اللَّهُ بِقَوْمٍ سُوءًا فَلَا مَرَدَ لَهُ وَمَا لَهُمْ
مِنْ دُونِهِ مِنْ وَاٍلِ ﴿١١﴾

هُوَ الَّذِي يُرِيكُمْ الْبَرْقَ خَوْفًا وَطَمَعًا
وَيُنشِئُ السَّحَابَ الثِّقَالَ ﴿١٢﴾

1 Bagi setiap manusia ada beberapa malaikat yang terus menjaganya secara bergilir-gilir dan ada pula malaikat-malaikat yang mencatat setiap amalannya.

harapan (dengan turunnya hujan); dan Dia yang menjadikan awan tebal yang berat (dengan air).

13. Dan guruh itu bertasbih dan memujiNya, (begitu juga) para malaikat kerana takut kepadaNya. Dan Dialah juga yang menghantarkan petir, lalu Dia menimpakannya kepada sesiapa yang dikehendakiNya; dan mereka yang ingkar itu membantah (serta mendustakan rasul) mengenai perkara yang berhubung dengan Allah (dan kekuasaanNya); dan Dialah yang amat keras azabNya.
14. Ibadat yang benar hanyalah bagi Allah; dan benda-benda yang mereka sembah selain dari Allah, tidak akan dapat menyahut atau memberikan sesuatupun kepada mereka, hanyalah seperti orang yang membentangkan kedua tapak tangannya kepada air supaya sampai ke mulutnya, padahal air itu sudah tentu tidak akan sampai kepadanya; dan doa (ibadat) orang kafir itu hanyalah sia-sia belaka.
15. Dan kepada Allah jualah sekalian makhluk yang ada di langit dan di bumi sujud, sama ada dengan sukarela atau dengan terpaksa; dan (begitu juga) bayang-bayang mereka pada waktu pagi dan petang.

وَيُسَبِّحُ الرَّعْدُ بِحَمْدِهِ وَالْمَلَائِكَةُ مِنْ
خِيفَتِهِ وَيُرْسِلُ الصَّوَاعِقَ فَيُصِيبُ بِهَا
مَنْ يَشَاءُ وَهُمْ يُجَادِلُونَ فِي اللَّهِ وَهُوَ
شَدِيدُ الْحِسَابِ ﴿١٣﴾

لَهُ دَعْوَةُ الْحَقِّ وَالَّذِينَ يَدْعُونَ مِنْ دُونِهِ لَا يَسْتَجِيبُونَ
لَهُمْ شَيْءٌ إِلَّا كَنَسِيطَ كَفْتِهِ إِلَى الْمَاءِ لِيَبْلُغَ فَاهُ وَمَا هُوَ
بِیَبْلُغُهُ وَمَا يَدْعَاهُ إِلَّا فِي ضَلَالٍ ﴿١٤﴾

وَلِلَّهِ يَسْجُدُ مَنْ فِي السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ طَوْعًا
وَكَرْهًا وَظَلَمَهُمْ بِالْغُدُورِ وَأَلْصَقَ الْكُفْرُ ﴿١٥﴾

16. Katakanlah (wahai Muhammad): «Siapakah Tuhan yang memelihara dan mentadbir langit dan bumi?» Jawablah: «Allah». Bertanyalah lagi: «Jika demikian, patutkah kamu menjadikan benda-benda selain dari Allah sebagai pelindung dan penolong, yang tidak dapat mendatangkan sebarang manfaat bagi dirinya sendiri, dan tidak dapat menolak sesuatu bahaya?» Bertanyalah lagi: «Adakah sama, orang yang buta dengan orang yang celik? Atau adakah sama, kegelapan dan cahaya? Atau adakah makhluk-makhluk yang mereka jadikan sekutu bagi Allah itu telah mencipta sesuatu seperti ciptaanNya, sehingga ciptaan itu serupa menurut pandangan mereka?» Katakanlah: «Allah jualah yang menciptakan tiap-tiap sesuatu, dan Dialah Yang Maha Esa, lagi Maha Kuasa».
17. Dia menurunkan air (hujan) dari langit, lalu membanjiri tanah-tanah lembah (dengan airnya) menurut kadarnya yang ditetapkan Tuhan untuk faedah makhlukNya, kemudian banjir itu membawa buih yang terapung-apung; dan dari benda-benda yang dibakar di dalam api untuk dijadikan barang perhiasan atau perkakas yang diperlukan, juga timbul buih seperti itu. Demikianlah Allah memberikan

قُلْ مَنْ رَبُّ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ قُلْ اللَّهُ قُلْ
 أَفَتَتَّخِذُونَ مِنْ دُونِهِ أَوْلِيَاءَ لَا يَمْلِكُونَ
 لَأَنْفُسِهِمْ نَفْعًا وَلَا ضَرًّا قُلْ هَلْ يَسْتَوِي الْأَعْمَى
 وَالْبَصِيرُ أَمْ هَلْ يَسْتَوِي الظُّلُمَاتُ وَالنُّورُ أَمْ جَعَلُوا
 لِلَّهِ شُرَكَاءَ خَلَقُوا خَلْقَهُ فَتَشْبِهَهُ الْمَلَأَى عَلَيْهِمْ قُلْ
 اللَّهُ خَالِقُ كُلِّ شَيْءٍ وَهُوَ الْوَاحِدُ الْقَهْدُ ﴿١٧﴾

أَنْزَلَ مِنَ السَّمَاءِ مَاءً فَسَالَتْ أَوْدِيَهُ بِقَدَرِهَا
 فَاحْتَمَلَ السَّيْلُ زَبَدًا رَابِيًا وَمِمَّا يُوقِدُونَ عَلَيْهِ
 فِي النَّارِ ابْتِغَاءَ حِلْيَةٍ أَوْ مَتَاعٍ زَبَدٌ مِثْلُ
 كَذَلِكَ يَضْرِبُ اللَّهُ الْمَثَلِ وَالْبَاطِلُ فَأَمَّا الزَّبَدُ
 فَيَذْهَبُ جُفَاءً وَأَمَّا مَا يَنْفَعُ النَّاسَ فَيَمْكُثُ
 فِي الْأَرْضِ كَذَلِكَ يَضْرِبُ اللَّهُ الْأَمْثَالَ ﴿١٧﴾

perumpamaan mengenai perkara yang benar dan yang salah. Adapun buih itu maka ia akan hilang sebagai sesuatu yang tidak ada harganya, manakala benda-benda yang berfaedah kepada manusia maka ia tetap tinggal di bumi. Demikianlah Allah menerangkan perumpamaan itu.

18. Bagi orang yang menyahut seruan Tuhan mereka (disediakan) balasan yang sebaik-baiknya; dan orang yang ingkar yang tidak menyahut seruanNya, sekiranya mereka mempunyai segala apa yang ada di bumi (ditambah) dengan sebanyak isi bumi itu, tentulah mereka rela menebus diri dengannya (daripada azab). Mereka itu disediakan baginya hitungan yang seburuk-buruknya, serta tempat kembali mereka ialah neraka jahannam; dan amatlah buruknya tempat tinggal itu.

19. Maka adakah orang yang mengetahui bahawa al-Quran yang diturunkan kepadamu dari Tuhanmu itu (wahai Muhammad) perkara yang benar, sama dengan orang yang buta mata hatinya? Sesungguhnya orang yang memikirkan hal itu hanyalah orang yang sempurna akalunya.

20. Orang yang menyempurnakan perjanjian Allah dan tidak mencabuli perjanjian itu.

لِلَّذِينَ اسْتَجَابُوا لِرَبِّهِمْ الْحُسْنَىٰ وَالَّذِينَ لَمْ
يَسْتَجِيبُوا لَهُ وَلَوْ أَنَّ لَهُم مَّا فِي الْأَرْضِ جَمِيعًا
وَمِثْلَهُ مَعَهُ لَافْتَدَوْا بِهِ ۗ أُولَٰئِكَ لَهُمْ سُوءُ
الْحِسَابِ ۗ وَمَأْوَاهُمْ جَهَنَّمُ ۖ وَبِئْسَ الْمِهَادُ ﴿١٨﴾

* أَفَمَنْ يَعْلَمُ أَنَّمَا أُنزِلَ إِلَيْكَ مِن رَّبِّكَ الْحَقُّ كَمَا
هُوَ أَعْمَىٰ ۖ إِنَّمَا يَتَذَكَّرُ أُولُو الْأَلْبَابِ ﴿١٩﴾

الَّذِينَ يُوفُونَ بِعَهْدِ اللَّهِ وَلَا يَنْفُضُونَ الْعِمَّةَ ﴿٢٠﴾

21. Dan orang yang menghubungkan perkara yang disuruh oleh Allah supaya dihubungkan, dan yang bimbang akan kemurkaan Tuhan mereka serta takut kepada kesukaran yang akan dihadapi semasa soal jawab dan hitungan amal (pada hari kiamat).
22. Dan orang yang sabar kerana mengharapkan keredaan Tuhan mereka semata-mata, dan mendirikan solat, serta mendermakan daripada apa yang Kami kurniakan kepada mereka, secara bersembunyi atau secara terbuka; dan mereka menolak kejahatan dengan cara yang baik; kesemua mereka disediakan tempat kembali yang sebaik-baiknya.
23. Syurga ‘Adn yang mereka masuk ke dalamnya bersama-sama orang yang mengerjakan amal soleh daripada kalangan ibu bapa, isteri, dan zuriat mereka; dan para malaikat pula akan masuk kepada mereka dari setiap pintu.
24. (Memberi hormat dengan berkata): «Selamat sejahteralah atas kesabaran kamu; maka amatlah baik tempat kesudahan itu.
25. Dan (sebaliknya) orang yang memungkirkan perjanjian Allah selepas diperteguhkannya dan memutuskan perkara-perkara yang disuruh oleh Allah supaya dihubungkan, serta mereka

وَالَّذِينَ يَصِلُونَ مَا أَمَرَ اللَّهُ بِهِ أَنْ يُوصَلَ وَيَخْشَوْنَ رَبَّهُمْ وَيَخَافُونَ سُوءَ الْحِسَابِ ﴿٤١﴾

وَالَّذِينَ صَبَرُوا ابْتِغَاءَ وَجْهِ رَبِّهِمْ وَأَقَامُوا الصَّلَاةَ وَأَنْفَقُوا مِمَّا رَزَقْنَاهُمْ سِرًّا وَعَلَانِيَةً وَيَدْرءُونَ بِالْحَسَنَةِ أُولَئِكَ لَهُمْ عُقْبَى الدَّارِ ﴿٤٢﴾

جَنَّتٍ عَدْنٍ يَدْخُلُونَهَا وَمَنْ صَلَحَ مِنْ آبَائِهِمْ وَأَزْوَاجِهِمْ وَذُرِّيَّاتِهِمْ وَالْمَلَائِكَةُ يَدْخُلُونَ عَلَيْهِمْ مِنْ كُلِّ بَابٍ ﴿٤٣﴾

سَلَامٌ عَلَيْكُمْ مِمَّا صَبَرْتُمْ فَنِعْمَ عُقْبَى الدَّارِ ﴿٤٤﴾

وَالَّذِينَ يَنْقُضُونَ عَهْدَ اللَّهِ مِنْ بَعْدِ مِيثَاقِهِ وَيَقْطَعُونَ مَا أَمَرَ اللَّهُ بِهِ أَنْ يُوصَلَ وَيُفْسِدُونَ فِي الْأَرْضِ أُولَئِكَ لَهُمُ اللَّعْنَةُ وَلَهُمْ سُوءُ الدَّارِ ﴿٤٥﴾

pula melakukan kerosakan dan bencana di muka bumi, mereka itu mendapat laknat dan balasan hari akhirat yang seburuk-buruknya.

26. Allah memudahkan rezeki bagi sesiapa yang dikehendakiNya, dan Dia juga yang menyempitkannya; dan mereka (yang ingkar): bergembira dengan kehidupan dunia, sedang kehidupan dunia itu tidak lain, hanyalah kesenangan yang kecil dan tidak kekal berbanding dengan kesenangan hari akhirat.
27. Dan orang yang kafir berkata: «Mengapa tidak diturunkan kepada (Muhammad) satu mukjizat dari Tuhannya?» Katakanlah (wahai Muhammad): «Sesungguhnya Allah menyesatkan sesiapa yang dikehendakiNya (menurut undang-undang peraturanNya), dan memberi hidayah kepada sesiapa yang bertaubat kepadaNya.
28. «(Iaitu) orang yang beriman dan tenang tenteram hati mereka dengan zikrullah⁽¹⁾». Bukankah dengan «zikrullah» itu hati manusia akan menjadi tenang
29. Orang yang beriman dan beramal soleh bagi mereka kebahagiaan dan sebaik-baik tempat kembali.

اللَّهُ يَبْسُطُ الرِّزْقَ لِمَن يَشَاءُ وَيَقْدِرُ فَرِحُوا
بِالحَيٰوةِ الدُّنْيَا وَمَا الحَيٰوةُ الدُّنْيَا فِي الآخِرَةِ إِلاَّ
مَتَاعٌ ﴿٢٦﴾

وَيَقُولُ الَّذِينَ كَفَرُوا لَوْلَا نُزِّلَ عَلَيْهِ آيَةٌ
مِّن رَّبِّهِ قُلْ إِنَّ اللَّهَ يُضِلُّ مَن يَشَاءُ وَيَهْدِي
إِلَيْهِ مَن أَنَابَ ﴿٢٧﴾

الَّذِينَ ءَامَنُوا وَتَطْمَئِنُّ قُلُوبُهُم بِذِكْرِ اللَّهِ
إِلَّا يَذْكُرِ اللَّهُ تَطْمَئِنُّ الْقُلُوبُ ﴿٢٨﴾

الَّذِينَ ءَامَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ طُوبَىٰ لَهُمْ
وَحَسَنُ مَّوَابٍ ﴿٢٩﴾

1 Mengingati Allah.

30. Demikianlah, Kami utuskan engkau (wahai Muhammad) kepada satu umat, yang telah dilalui sebelumnya beberapa umat yang lain, supaya engkau membacakan kepada mereka al-Quran yang Kami wahyukan kepadamu, ketika mereka kufur kepada (Allah) Ar-Rahman. Katakanlah: «Dialah Tuhanku, tiada Tuhan (yang berhak disembah) melainkan Dia. KepadaNyalah aku berserah diri, dan kepadaNyalah tempat kembaliku (dan kamu semuanya)».

31. Dan kalaulah ada mana-mana kitab suci yang dengan sebabnya gunung-ganang digoncangkan bergerak dari tempatnya, bumi terbelah mengeluarkan isi kandungannya, atau orang yang telah mati dapat menjawab kata-kata yang diajukan kepadanya (maka al-Quran ialah kitab suci yang mengandungi mukjizat). (Tetapi lahirnya sesuatu mukjizat itu adalah menurut kehendak Allah), bahkan segala urusan tertentu bagi Allah. Maka tidakkah orang yang beriman mengetahui bahawa sekiranya Allah menghendaki tentulah Dia memberi petunjuk kepada umat manusia seluruhnya; dan orang yang kafir itu (dengan sebab kekufuran mereka) sentiasa ditimpa bala bencana (ke atas diri

كَذَلِكَ أَرْسَلْنَاكَ فِي أُمَّةٍ قَدَّخَلَتْ مِنْ قَبْلِهَا أُمَمٌ اسْتَوَاعَا عَلَيْهِمُ الَّذِي أَوْحَيْنَا إِلَيْكَ وَهُمْ يَكْفُرُونَ بِالرَّحْمَنِ قُلْ هُوَ رَبِّي لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ عَلَيْهِ تَوَكَّلْتُ وَإِلَيْهِ مَتَابِ ﴿٣٠﴾

وَلَوْ أَنَّ قُرْآنًا سُيِّرَتْ بِهِ الْجِبَالُ أَوْ قُطِعَتْ بِهِ الْأَرْضُ أَوْ كُفِّرَتْ بِهِ الْمُؤْمِنُ بِلِلَّهِ الْأَمْرُ جَمِيعًا أَفَلَمْ يَأْتِئِسَ الَّذِينَ آمَنُوا أَنْ لَوْ بَشَّرَهُ اللَّهُ لَهْدَى النَّاسَ جَمِيعًا وَلَا يَزَالُ الَّذِينَ كَفَرُوا تُصِيبُهُمْ بِمَا صَعَوْا قَارِعَةٌ أَوْ تَحُلُّ قَرِيبًا مِنْ دَارِهِمْ حَتَّى يَأْتِيَ وَعْدَ اللَّهِ إِنَّ اللَّهَ لَا يُخْلِفُ الْمِيعَادَ ﴿٣١﴾

atau harta benda mereka); atau bala bencana itu turun menimpa tempat yang berhampiran dengan tempat tinggal mereka, sehinggalah datang janji Allah (hari kiamat dan azabnya). Sesungguhnya Allah tidak memungkirkan janjiNya.

32. Dan sesungguhnya telah pun dipersenda para rasul yang diutus sebelummu (wahai Muhammad), lalu Aku biarkan orang yang tidak percayakan para rasul itu ke suatu masa yang tertentu, kemudian Aku menimpakan mereka dengan azab; maka alangkah pedihnya azabKu itu.
33. Maka apakah Tuhan yang menjaga setiap jiwa terhadap apa yang diperbuatnya (sama dengan yang lain)? Mereka menjadikan sekutu-sekutu bagi Allah. Katakanlah: «Sebutkanlah sifat-sifat mereka itu;» atau apakah kamu hendak memberitahu kepada Allah apa yang tidak diketahuiNya di bumi, atau kamu mengatakan (tentang hal itu) sekadar perkataan pada lahirnya saja. Sebenarnya orang kafir itu dijadikan (oleh syaitan) memandang baik tipu daya mereka dan dihalang dari jalan (yang benar). Dan barang siapa yang disesatkan Allah, maka baginya tidak ada seorang pun yang akan diberi petunjuk.

وَلَقَدْ أَسْتَهْزَيْتُمْ بِرُسُلِنَا مِنْ قَبْلِكَ فَأَمَلَيْتُمْ
لِلَّذِينَ كَفَرُوا أَنْهُمْ أَخَذْتُهُمْ فَكَيْفَ كَانَ
عِقَابِ ۝٣٢

أَفَمَنْ هُوَ قَائِمٌ عَلَى كُلِّ نَفْسٍ بِمَا كَسَبَتْ
وَجَعَلَ اللَّهُ شُرَكَاءَ قُلُوبِهِمْ أَمْ تَدْعُوهُمْ
بِمَا لَا يَعْلَمُونَ فِي الْأَرْضِ أَمْ يَظَاهِرُونَ الْقَوْلَ
بَلْ زَيْنَ لِلَّذِينَ كَفَرُوا مَكْرَهُمْ وَصَدُّوا عَنِ
السَّبِيلِ ۝ وَمَنْ يُضَلِلِ اللَّهُ فَمَا لَهُ مِنْ هَادٍ ۝٣٣

34. Mereka beroleh azab dalam kehidupan dunia, dan sesungguhnya azab hari akhirat lebih menyeksakan lagi; dan tiada siapapun yang dapat melindungi mereka daripada azab Allah itu.
35. Sifat syurga yang dijanjikan kepada orang yang bertaqwa itu ialah mengalir dibawahnya sungai-sungai; makanannya kekal tidak putus-putus dan naungannya sentiasa teduh. Itulah kesudahan usaha orang yang bertaqwa, sedangkan kesudahan usaha orang kafir pula ialah neraka.
36. Dan orang yang Kami berikan kitab, mereka⁽¹⁾ bergembira dengan apa yang Kami turunkan kepadamu (wahai Muhammad) dan di antara golongan yang bersekutu itu ada yang mengingkari sebahagiannya. Katakanlah: «Sesungguhnya aku diperintahkan supaya menyembah Allah, dan supaya aku tidak mempersekutukanNya dengan sesuatu yang lain: kepadaNya lah aku menyeru (manusia semuanya untuk menyembahNya), dan kepadaNya lah tempat kembaliku (dan kamu semuanya untuk menerima balasan)».
37. Dan demikianlah Kami menurunkan al-Quran sebagai hukum dalam bahasa Arab; dan seandainya engkau (wahai

لَهُمْ عَذَابٌ فِي الْحَيَاةِ الدُّنْيَا وَعَذَابُ الْآخِرَةِ أَشَقُّ وَمَا لَهُمْ مِنَ اللَّهِ مِن وَاقٍ ﴿٣٤﴾

﴿ مَثَلُ الْجَنَّةِ الَّتِي وَعَدَ الْمُتَّقُونَ تَجْرِي مِن تَحْتِهَا الْأَنْهَارُ كُلُّهَا دَائِمٌ وَظِلُّهَا تِلْكَ عُقْبَى الَّذِينَ اتَّقَوْا وَعُقْبَى الْكَافِرِينَ النَّارُ ﴿٣٥﴾

وَالَّذِينَ آتَيْنَاهُمُ الْكِتَابَ بَفْرَحُونَ بِمَا أَنْزَلْنَا إِلَيْكَ وَمِنَ الْأَحْزَابِ مَن يُكْفِرُ بَعْضُهُمْ قَوْلًا إِنَّمَا أُمِرْتُ أَنْ أَعْبُدَ اللَّهَ وَلَا أُشْرِكُ بِهِ إِلَهًا أَدْعُوا وَإِلَيْهِ مَعَابٍ ﴿٣٦﴾

وَكَذَلِكَ أَنْزَلْنَاهُ حُكْمًا عَرَبِيًّا وَلَئِنِ اتَّبَعْتَ أَهْوَاءَهُمْ بَعْدَ مَا جَاءَكَ مِنَ الْعِلْمِ مَا لَكَ مِنَ اللَّهِ مِن وَاقٍ وَلَا وَاقٍ ﴿٣٧﴾

1 Iaitu orang Nasrani dan Yahudi yang telah memeluk agama Islam.

Muhammad) menurut kehendak nafsu mereka selepas datangnya kepadamu pengetahuan tentang kebenaran, maka tidaklah engkau perolehi daripada Allah sesuatupun yang dapat mengawal dan memberi perlindungan kepadamu.

38. Dan sesungguhnya! Kami telah mengutus para rasul sebelummu, dan Kami jadikan untuk mereka isteri-isteri dan zuriat; dan tiadalah sebarang kuasa bagi seseorang rasul untuk mendatangkan sesuatu mukjizat melainkan dengan izin Allah. Tiap-tiap satu tempoh dan waktu ada baginya perkara dan hukum yang telah ditentukan (oleh «Suratan Azali»).
39. Allah menghapuskan apa jua yang dikehendakiNya dan Dia juga menetapkan apa jua yang dikehendakiNya. Dan (ingatlah) pada sisiNya ada «Ibu segala suratan».
40. Sama ada Kami perlihatkan kepadamu (wahai Muhammad) sebahagian daripada azab yang Kami janjikan untuk mereka (yang ingkar) atau kami wafatkanmu sebelum melihatnya maka tidaklah menjadi masalah kerana tugasmu hanyalah menyampaikan hukum yang kami turunkan kepadamu; dan urusan Kami menghitung dan membalas amal mereka.

وَلَقَدْ أَرْسَلْنَا رُسُلًا مِّن قَبْلِكَ وَجَعَلْنَا لَهُمْ أَزْوَاجًا وَذُرِّيَّةً وَمَا كَانَ لِرَسُولٍ أَنْ يَأْتِيَ بِغَايَةِ إِلَّابِذْنِ اللَّهِ لِكُلِّ أَجَلٍ كِتَابٌ ﴿٣٨﴾

يَمْحُوا اللَّهُ مَا يَشَاءُ وَيُثَبِّتُ مَا يُرِيدُ وَعِنْدَهُ دَأْمُ الْكِتَابِ ﴿٣٩﴾

وَإِنْ مَّا نُرِيَنَّكَ بَعْضَ الَّذِي نَعْدُهُمْ أَوْ تُتَوَفَّيَنَّكَ فَإِنَّمَا عَلَيْنَا الْبَلْغُ وَعَلَيْنَا الْحِسَابُ ﴿٤٠﴾

41. Mengapa mereka (yang kafir itu masih berdegil dan) tidak mahu memerhatikan bahawa kekuasaan Kami sentiasa menakluki bumi (yang mereka diami) dengan menjadikannya kurang sedikit demi sedikit daripada kebbaikannya dan kemuliaannya? Dan (ingatlah) Allah menghukum menurut apa yang dikehendakiNya; tiada sesiapaupun yang dapat menghalang hukumNya, dan Dialah juga yang amat cepat hitunganNya.
42. Dan sesungguhnya orang kafir yang sebelum daripada mereka telah melancarkan rancangan jahat (terhadap nabi-nabi mereka): maka, (janganlah engkau bimbang kerana) Allah berkuasa menggagalkan segala jenis rancangan jahat. Dia mengetahui apa yang diusahakan oleh setiap diri; dan orang yang kafir akan mengetahui untuk siapakah balasan (yang baik dan yang buruk) pada hari akhirat kelak.
43. Dan orang yang kafir itu berkata: «Engkau bukanlah seorang rasul (dari Allah)». Katakanlah (kepada mereka): «Cukuplah Allah menjadi saksi antaraku dengan kamu, dan juga disaksikan oleh orang yang ada ilmu mengenai kitab Allah».

أُولَئِكَ يَرَوْنَ أَنَّا نَأْتِي الْأَرْضَ نَنْقُصُهَا مِنْ أَطْرَافِهَا وَاللَّهُ يَحْكُمُ مَا يُحِبُّ لَمْ يُعِثْ لِحُكْمِهِ وَهُوَ سَرِيعُ الْحِسَابِ ﴿٤١﴾

وَقَدْ مَكَرَ الَّذِينَ مِنْ قَبْلِهِمْ فَلِلَّهِ الْمَكْرُ جَمِيعًا يَعْلَمُ مَا تَكْسِبُ كُلُّ نَفْسٍ وَسِعَعَهُ الْمَكْرُ فَأَمَّا مَنْ عَقَّبَ الْدَارِ ﴿٤٢﴾

وَيَقُولُ الَّذِينَ كَفَرُوا لَسْتَ مُرْسَلًا قُلْ كَفَى بِاللَّهِ شَهِيدًا بَيْنِي وَبَيْنَكُمْ وَمَنْ عِنْدَهُ عِلْمُ الْكِتَابِ ﴿٤٣﴾